



INDRA WANGSA ENTERPRISE
IP0459282-M

NO. 16A JALAN SATU-BU 3A, BANDAR SERI ISKANDAR, 32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK

Ruj. Kami : IWE/KUDR/001/2026
Ruj. Tuan :
Tarikh : 31 Mac 2026

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD
B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

U/P : Pegawai Koridor Negeri

Tuan,

**PER: BEKALAN ELEKTRIK KE BENGKEL PENYAMAN UDARA, JALAN KEKABU OFF JALAN MAHARAJALELA, TELUK INTAN.
- Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Lalu**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini kami sertakan dokumen-dokumen / lampiran berkaitan untuk rujukan dan kelulusan pihak tuan:-
 - i. Borang Kelulusan Izin Lalu (BKIL)
 - ii. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
 - iii. Peta Penandaan Lokasi
 - iv. Gambar Lokasi
3. Mohon pihak tuan mengaturkan satu tarikh lawatan tapak bersama bagi menentukan serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan seperti di atas.
4. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **RIDZAUDIN BIN ISMAIL** di talian **018-204 8801** dan pada emel inderawangsa2017@gmail.com untuk keterangan lanjut.
5. Perhatian serta kerjasama pihak tuan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,


.....
RIDZAUDIN BIN ISMAIL
Pengurus
INDRA WANGSA ENTERPRISE

INDRA WANGSA ENTERPRISE
201603228251 (IR0459282-M)
NO. 16A, JALAN SATU-BU 3A,
BANDAR SERI ISKANDAR,
32610 BANDAR SERI ISKANDAR, PERAK.

ENGR-5110-PSI

Tarikh: 30hb MAC 2026

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: TNB/DN/HOZAN2/APPSUPLV/16/11000982848Kepada: **INDRA WANGSA ENTERPRISE**
Block C,kg Rimba Raja
Lambor Kanan,
32900 Parit Perak**BEKALAN ELEKTRIK KE BENGKEL PENYAMAN UDARA, JALAN KEKABU OFF JALAN MAHARAJALELA,
TELUK INTAN
-Izinlalu-**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak TNB akan melaksanakan kerja-kerja projek seperti di atas. Untuk makluman pihak tuan,kerja memberi bekalan ke premis ini didapati perlu mendapatkan izinlalu dari **JKR HILIR PERAK**.
3. Pihak tuan perlu membuat permohonan izinlalu dan permit melalui **Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR) melalui sistem KUDRAT di lawan sesawang** <https://app.kudr.my/>
4. Bersama-sama ini dilampirkan pelan lakaran yang menunjukkan lokasi di mana kerja-kerja akan dilaksanakan bagi memudahkan semakan tuan. Dimajukan surat pemakluman izin lalu TNB kepada PBT untuk tindakan lanjut pihak tuan semasa membuat permohonan izin lalu bagi projek ini. Mohon pihak tuan melampirkan surat pemakluman izin lalu ini bersama surat permohonan izin lalu pihak tuan dan pelan cadangan laluan kabel untuk kelulusan lanjut pihak Koridor Utiliti Darul Ridzuan yang berkaitan.
5. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi **Encik Hazaroul bin Idris** <hazaroul.idris@tnb.com.my> dan beliau boleh dihubungi di talian **011-52918996**.

Sekian, terima kasih.

"BETTER. BRIGHTER."**Nurudin Andhar Bin Che Husin**
Jurutera (Asset Planning LV)
Asset Zone N2
Bahagian Pembahagian, TNB